

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**RUJUKAN : BL3 [PR-1343-T75773]**  
**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab-sebab kenaikan yang tinggi caj parkir kenderaan dalam Kuala Lumpur yang menambahkan bebanan kewangan warga kota dan ketidakadilan tindakan saman ke atas pemilik-pemilik kenderaan sedangkan petak-petak meletak kereta sah tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pelaksanaan kadar baru tempat letak kereta bahu jalan di kawasan Kuala Lumpur mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemimpin-pemimpin setempat. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kenaikan caj bayaran parkir seperti berikut:

- 1) Kadar caj semasa yang diguna pakai telah dikuatkuasakan semenjak 40 tahun yang lalu dan dilaksanakan semenjak lewat tahun 1970-an.
- 2) Kadar baru yang dikenakan adalah tidak keterlaluan dan masih lagi rendah jika dibandingkan dengan bandar-bandar utama di sekitar Asia Tenggara/Asia.
- 3) Mengurangkan sikap segolongan pengguna yang gemar meletakkan kenderaan dalam jangkamasa terlalu lama atau sikap memonopoli petak parkir. Dengan kenaikan kadar ini dapat mengelakkan pihak tertentu memonopoli tempat letak kereta bahu jalan serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Langkah Prasarana Malaysia Berhad yang memberi diskaun sebanyak 50% kepada pengguna LRT dan Monorel yang menggunakan perkhidmatan tersebut dari pukul 6.00 pagi hingga 7.00 pagi bermula 16 September 2016 adalah untuk menarik *ridership* supaya menggunakan pengangkutan awam serta dapat mengatasi kesesakan jalan raya.

- 4) Langkah mengurangkan *Single Occupancy Vehicle* (SOV). Kebanyakan 65% hingga 75% daripada kenderaan yang memasuki pusat bandar raya setiap hari adalah kenderaan persendirian. Daripada 3.431 juta kenderaan yang memasuki Pusat Bandar Raya setiap hari, 2.230 hingga 2.401 juta kenderaan adalah SOV. (sumber : *SPAD-Travel Demand/Management Plan*);
- 5) Menggalakkan *car pooling* atau beralih kepada sistem pengangkutan awam seperti LRT, MRT, Monorel dan Komuter yang telah mencapai jajaran hampir 600 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan saman yang dilaksanakan merupakan isu semasa yang sentiasa dihadapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kesalahan lalulintas yang dilakukan oleh pengguna jalan raya telah pun berlaku sejak sebelum kenaikan kadar baru lagi. Tindakan ini diambil bertujuan untuk memastikan setiap pengguna jalan raya lebih berdisiplin dan berhemah di atas jalan raya. Antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya ialah menghalang laluan, tidak membayar parkir dan meletakkan kenderaan melebihi tempoh masa bayaran.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga turut mengenalpasti lokasi dan merancang untuk membuat penambahan tempat letak kereta dengan mengambil kira pembangunan di satu-satu kawasan. Ini termasuklah mengadakan syarat kepada pemaju-pemaju untuk menyediakan ruang tempat letak kereta di dalam setiap permohonan pembangunan yang dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.